

Nasib penyanyi popular era 90-an itu sudah terbela, penantian bakal berakhir

Shima terpilih penerima rumah PPR

Oleh NURUL HUDA ABHAR

PUTRAJAYA – Kemelantan hidup penyanyi yang terkenal dengan lagu *Teriringin*, Shima kini sedikit terbela apabila dipilih sebagai salah seorang penerima Program Perumahan Rakyat (PPR).

Shima atau nama penuhnya, Ku Nazhatul Shima Ku Kamarazaman juga menzahirkan rasa syukur apabila penantianya selama ini untuk memiliki sebuah rumah telah terlaksana dan akan menerima kunci dalam waktu yang terdekat.

"Saya sudah dapat surat tawaran. Jadi boleh dikatakan secara rasmi rumah itu menjadi kepunyaan saya dan boleh ambil kunci bila-bila masa.

"Sekarang ini untuk pindah terus dalam bulan September memang tidak boleh. Kami perlukan wang untuk sewa lori bagi mengangkut barang-barang, jadi banyak perlukan duit," katanya.



ZURAIDA (tiga dari kiri) menyampalkan Surat Tawaran Program Rumah PPR kepada penyanyi Shima di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Putrajaya, semalam.

Penyanyi yang juga terkenal dengan lagu *Terkilan* itu turut terkejut dengan penerimaan surat tawaran yang begitu cepat.

Penyerahan surat tawaran PPR tersebut dilakukan oleh

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin kepada Shima sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan penggiat seni hiburan.



"Kerajaan prihatin terhadap kebajikan golongan berpendapatan rendah tanpa mengira latar belakang termasuk golongan artis yang telah memberi sumbangan kepada industri seni tanah air.

"Saya mengambil inisiatif ini untuk menyampaikan sendiri surat tawaran kepada Shima," kata Zuraida ketika berucap di bangunan KPKT di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Presiden Yayasan Kebajikan Artis Tanahair (YKAT), Datuk Irwan Shah Abdullah atau lebih dikenali sebagai DJ Dave.

Penyanyi wanita berkenaan telah ditawarkan rumah PPR Lembah Subang 2, Selangor dengan bayaran bulanan seba-

nyak RM255 selama dua tahun. Jika dahulu, Shima terpaksa membayar RM600 untuk sewa rumah di Pangsapuri Lestari, Damansara Damai, Petaling Jaya, Selangor, bebanan sewa beli yang perlu dibayar kini jauh lebih rendah.

"Rumah yang saya duduk sekarang memang tinggi bebanan sewa dan itu tidak termasuk bil. Mujur saya dapat bantuan Lembaga Zakat Selangor bagi keperluan harian dan sejumlah wang," katanya lagi.

"Terdahulu, Shima mengejutkan masyarakat apabila ditemui berniaga nasi campur di tepi jalan berhampiran dengan kawasan perumahan berikutan sempitan hidup yang dihadapinya.

Penyanyi tersebut yang kini termasuk dalam golongan asnaf tidak lagi berniaga berikutan penyakit tulang belakang dan lemah pundi kencing yang menyukarkan pergerakan harianya untuk bekerja.